



Rosol (tengah) ketika merasmikan Program Malaysia Prihatin di Dewan Sivik Ajil, Kuala Berang, semalam.

Jualan dalam talian RM2.5b tahun lalu

Pandemik dorong penerimaan, penggunaan digitalisasi sektor peruncitan

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Berang: Pandemik COVID-19 menyebabkan urus niaga dalam talian di negara ini mencatatkan lonjakan ketara sehingga RM2.5 bilion tahun lalu berbanding RM1.7 bilion pada 2019.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia selaras dengan peningkatan jumlah perniagaan dalam talian yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(SSM) sehingga 2020 iaitu 489,958 berbanding 243,560 pada 2019.

Beliau berkata, peningkatan ketara pendaftaran perniagaan dalam talian sehingga lebih 240,000 tahun lalu adalah perkembangan sangat baik berbanding purata peningkatan jumlah pendaftaran perniagaan dalam talian sekitar 40,000 setahun sebelum ini.

“Penularan wabak COVID-19 memberi kesan besar kepada banyak sektor ekonomi terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, namun transaksi dalam talian mencatatkan lonjakan ketara, malah pendaftaran perniagaan dalam talian juga meningkat sehingga lebih 100 peratus pada 2020.

“Mengikut rekod, aktiviti jual beli dalam talian meningkat sehingga 49 peratus tahun lalu, manakala transaksi e-wallet melonjak sehingga lebih 100 peratus iaitu daripada RM300 juta pada 2019 kepada RM600 juta tahun lalu.

“Ini menunjukkan transaksi jual beli dalam talian semakin menjadi trend dan alternatif baharu buat peniaga dan pembeli ketika negara berdepan cabaran COVID-19 ini.

“Ia juga antara kesan positif COVID-19 yang paling ketara kerana mempercepatkan penerimaan dan penggunaan digitalisasi dalam sektor peruncitan,” katanya selepas Program Malaysia Prihatin di Dewan Sivik Ajil di sini, semalam.

Rosol berkata, jual beli dalam talian menawarkan harga lebih kompetitif berbanding jual beli secara fizikal juga menjadi antara faktor perniagaan dalam talian semakin menarik perhatian pengguna.

Katanya, ramai peniaga terutama daripada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada platform e-dagang yang terbukti membantu melonjakkan pulangan perniagaan mereka.